



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

**AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH**

VOLUME 8 ISSUE 1 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-8-no-1-2023/>


**Copyright Information:**

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

**Publisher Information:**

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



# I'JAZ 'ILMI TERHADAP PENGGUNAAN BAHAGIAN-BAHAGIAN BIJI KURMA SEBAGAI AMTHAL DALAM AL-QURAN

The Scientific Miracle of Using Parts of Date Seeds as Parables in the  
Quran

Nur Atiqah Mohd Razin\* & Wan Nasyrudin Wan Abdullah

Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.  
Corresponding author: p117197@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-07>

## Article history

Received:  
05/01/2023

Revised:  
10/01/2023

Accepted:  
22/01/2023

Published:  
30/06/2023

## Abstrak

Tumbuh-tumbuhan adalah salah satu unsur yang banyak terkandung di dalam al-Quran. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dapat dilihat dalam pelbagai bentuk persembahan melibatkan Lathaif Quraniyyah di dalam al-Quran. Ada diantaranya yang dipamerkan Allah s.w.t. sebagai objek *amthal*, ada pula kalimah yang datang dengan bentuk yang bebas, namun tetap dapat difahami kerana unsur leksikal yang dibawa menjelaskan konteks keseluruhan ayat. Dalam ilmu Ulum al-Quran, ia dikenali sebagai *Fahwa al-Khitab* dalam bab *al-Mantuuq wa al-Majbuhum* iaitulah ungkapan yang terbentuk difahami secara maknawinya bukan pada lafaznya. Ini adalah salah satu *I'jaz al-Bayani* yang terdapat di dalam al-Quran. Setelah maklumat dalam al-Quran dapat difahami dengan mendalam, maka perbincangan terhadap unsur-unsur fizikal seperti tumbuh-tumbuhan dapat dilihat dari aspek *I'jaz 'Ilmi* untuk melihat bagaimana Allah s.w.t. menggunakan unsur-unsur alam ini sebagai satu permissalan sehingga manusia dapat memahami perkara yang tidak dapat dijangkau oleh akal dan pancaindera. Fokus perbincangan kajian ini ialah dalam bidang analisis *I'jaz al-Bayani* terhadap penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan, iaitu berfokus kepada bahagian-bahagian biji kurma sebagai *amthal* dalam al-Quran, dan mengenal pasti perkaitannya dengan konteks ayat dari aspek *I'jaz 'Ilmi*. Kajian ini mengaplikasikan metod kualitatif deskriptif dengan menganalisis kandungan dokumen merangkumi buku, tesis, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan bahan penerbitan lain. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk mendalami al-Quran dan kemukjizatannya.

**Kata Kunci:** I'jaz al-Bayani, I'jaz 'Ilmi, Bahagian Biji Kurma

### Abstract

Plants are one of the many elements contained in the Quran. The use of plant elements can be seen in various forms of presentation involving *Lata'if Qur'aniyyah* in the Quran. Some of them are highlighted by Allah s.w.t. as *amthal* objects, there are also words that come with independent forms, but can still be understood because of the lexical elements brought to explain the context of the entire sentence. According to the Science of al-Quran, it is known as *Fahwa al-Khitab* in the chapter *al-Mantuaq wa al-Mafhum*, which is an expression that is understood in its meaning, not in its pronunciation. This is one of the *I'jaz al-Bayani* found in the Quran. Once the information in the Qur'an can be understood in depth, then the discussion of physical elements such as plants can be seen from the aspect of *I'jaz 'Ilmi* to see how Allah s.w.t. using the elements so that humans can understand things that cannot be comprehended by reason and senses. The focus of this study's discussion is on the field of *I'jaz al-Bayani* analysis of the use of plant elements, that is, focusing on the parts of date seeds as *amthal* in the Qur'an, and identifying their connection with the context of the verse from the aspect of *I'jaz 'Ilmi*. This study applies descriptive qualitative methods by analyzing the content of documents including books, theses, journal articles, seminar papers, and other publication materials. Based on the research findings obtained, it is hoped that it will benefit the community to learn more about the Quran and its miracles.

**Keywords: I'jaz al-Bayani, I'jaz 'Ilmi, Part of Dates Seed**

### PENGENALAN

Allah s.w.t. yang Maha Bijaksana telah mendatangkan pelbagai bentuk petunjuk di dalam al-Quran kepada hamba-hambaNya. Antaranya ialah melalui bentuk perumpamaan untuk menjelaskan sesuatu yang sukar digarap oleh akal manusia seperti perkara-perkara ghaibiyat dan seumpamanya. Amthal al-Quran atau dalam bahasa Melayu difahami sebagai perumpamaan termasuk dalam perbahasan Ulum al-Quran yang bertujuan untuk memahami Kalam Allah s.w.t. dalam pelbagai aspek, termasuk dari segi penurunannya, pengumpulannya, penafsirannya, serta tidak ketinggalan juga aspek kandungan al-Quran itu sendiri. Allah s.w.t. telah menyatakan bahawa perumpamaan-perumpamaan yang dibawa di dalam al-Quran adalah supaya manusia dapat memahami mesejNya dan mengambil peringatan daripadanya. Firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-Zumar;

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai misal perbandingan dalam Al-Quran ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran.* (QS, Surah al-Zumar 39:27)

Pelbagai perumpamaan dapat ditemui di dalam al-Quran, antaranya ialah perumpamaan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, elemen alam semesta dan sebagainya. Al-Quran menggunakan perumpamaan daripada kumpulan haiwan seperti labah-labah, lalat, nyamuk, keldai, anjing dan lain-lain (Mohd Sukki, 2011). Unsur tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam al-Quran merangkumi nama pokok, buah-buahan, jenis tumbuh-tumbuhan, kebun dan ladang pertanian (Saipolbarin et. al 2015). Pemilihan unsur tumbuh-tumbuhan sebagai korpus kajian adalah disebabkan oleh al-Quran itu sendiri mempunyai kekuatan nilai universal yang meliputi setiap disiplin ilmu dan tidak hanya berkisarkan tentang akidah, fiqah dan sebagainya, tetapi penggunaannya telah memasuki bidang-bidang sains yang lain seperti ilmu botani, perubatan, kimia, teknologi dan sebagainya. (Zamri & Kaseh 2011).

Selain itu, terdapat dua bentuk penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam al-Quran. Bentuk pertama ialah untuk menerangkan tentang unsur tumbuh-tumbuhan tersebut secara langsung seperti tumbuh-tumbuhan yang berada di syurga dan neraka. Bentuk kedua pula ialah

penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan sebagai satu perantara dalam menyampaikan mesej kepada manusia (Saipolbarin et. al 2015). Maka ciri-ciri tumbuhan yang disebutkan pasti ada hubungannya dengan mesej yang Allah s.w.t. sampaikan kerana setiap perkataan yang terkandung di dalam al-Quran itu tidak sia-sia, bahkan ia menjelaskan makna yang lebih luas dan lebih mendalam.

Kajian ini akan meneliti bentuk kedua ini dengan melihat kepada aspek *amthal* dan *i'jaz 'ilmi* yang terkandung di dalam ayat. Perbincangan *I'jaz 'ilmi* sangat berkait rapat dengan elemen-elemen sains yang boleh dinilai berdasarkan kajian-kajian sains yang terdapat pada masa kini terutama apabila *amthal* yang digunakan berkait rapat dengan unsur-unsur fizik seperti kejadian haiwan, tumbuh-tumbuhan, manusia dan alam semesta. Namun begitu, untuk memahami unsur simbolism yang dibawa oleh sesuatu kalimah, perlulah diperhatikan terlebih dahulu tafsiran dan konteks ayat keseluruhannya agar pemerhatian yang dilakukan tidak bercanggah dengan maksud ayat yang sebenar. Kajian ini juga berusaha untuk tidak terlalu membincangkan aspek saintifik secara mendalam, dan hanya berfokus kepada aspek mukjizat sains yang terkandung di dalam ayat.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pengumpulan data melibatkan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti sumber daripada beberapa dokumen merangkumi buku, tesis, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan bahan penerbitan lain. Data kajian dikumpulkan dan dianalisis dengan teknik analisis kandungan melalui kaedah deskriptif. Penelitian dilakukan melalui analisis daripada sumber-sumber dan teks yang menyentuh serta berkait secara langsung dengan *I'jaz 'ilmi* dan *Amthal* di dalam al-Quran. Kajian ini juga memfokuskan kepada tiga ayat yang terkandung di dalamnya kalimah al-*Qitmir*, al-*Fatil* dan al-*Naqir* sahaja dengan mengenal pasti hubungan *I'jaz 'ilmi* di antara kalimah-kalimah tersebut dengan mesej utama sesuatu ayat.

### **Penyebutan Bahagian-Bahagian Biji Kurma Di Dalam Al-Quran**

Kajian saintifik terkini yang mengkaji tentang anatomi biji benih pokok, mendapati bahawa pada biji kurma, terdapat beberapa bahagian yang dapat dikenalpasti iaitu *micro-pyle*, *hilum*, *embryo*, *thread*, *endosperm* dan *endocarp* (Qatar Foundation 2022). Di dalam al-Quran, Allah s.w.t. telah menyebutkan tiga bahagian biji benih kurma iaitu al-*Qitmir* (Seed Membrane/Endocarp), al-*Fatil* (Seed thread) dan al-*Naqir* (Micro-pyle) sebagaimana merujuk pada gambarajah di bawah.




Figure 1 Pokok Kurma & Keratan Rentas Biji Kurma

Sumber: Qatar Foundation (2022)

Berdasarkan Corpus al-Quran, terdapat tiga ayat yang menyebutkan kalimah *al-fatil* di dalam al-Quran. Manakala kalimah *al-naqir* disebutkan sebanyak dua kali dan kalimah *al-qitmir* pula disebutkan sebanyak satu kali sahaja (Language Research Group University of Leeds 2009).

### 1. Al-Fatil (الفاتيل): Urat pintal yang berbentuk sumbu dari belahan biji kurma (*Seed thread*).

Ia dinamakan *al-fatil* kerana apabila urat pintal ini ditarik daripada tempatnya, ia akan berpintal (انفتل). Menurut Ibnu Abbas r.h. berkata: “*al-Fatil tidak keluar daripada antara dua jari ketika memulanya*”. Mujahid r.h. pula berkata: “*al-Fatil adalah kotoran daki yang dipintal oleh seseorang di antara jari-jemarinya*.” (Malik Abdul Qadir 2022 & Azhar Ali Yasin 2012)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُرْكَبُونَ أَنْفُسَهُمْ بِلِ اللَّهِ يُرْكَبُونَ مَنْ يَشَاءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا

Maksudnya: *Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wabai Muhammad) kepada orang-orang yang membersihkan (memuji) diri sendiri? (Padahal perkara itu bukan hak manusia) bahkan Allah jualah yang berhak membersihkan (memuji) sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya); dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasan mereka) sedikitpun. (QS, Surah al-Nisa' 4:49)*

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوا أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِنْهُمْ يَخْشَوْنَ النَّاسَ كَخَشِيَةِ اللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشِيَةً وَقَالُوا رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا الْقِتَالَ لَوْلَا أَخَّرْتَنَا إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ قُلْ مَتَّعَ اللَّهُ الدُّنْيَا قَلِيلًا وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا

Maksudnya: *Tidakkah engkau (hairan) melihat (wabai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: "Tabanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat". (Mereka meminta juga hendak berperang), kemudian apabila mereka diperintahkan berperang, tiba-tiba sepuak di antara mereka merasa gerun kepada manusia sama seperti*

mereka merasa gerun kepada (azab) Allah atau lebih gerun lagi. Lalu mereka (merayu kepada Allah dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang (pada saat ini)? Mengapa Engkau tidak biarkan kami hingga ke tempoh yang singkat (iaitu akhir hayat kami)?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Harta benda yang menjadi kesenangan di dunia ini adalah sedikit sahaja, (dan akhirnya akan lenyap), dan (balasan) hari akhirat itu lebih baik lagi bagi orang-orang yang bertaqwa (kerana ia lebih membah dan kekal selama-lamanya), dan kamu pula tidak akan dianiaya sedikit pun". (QS, Surah al-Nisa' 4:77)

يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمْجِهِمْ فَمَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَأُولَئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا

Maksudnya: (Ingatlah) hari Kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imamnya; kemudian sesiapa diberikan Kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya (dengan sukacita), dan mereka tidak dikurangkan (pahala amal-amalnya yang baik) sedikitpun. (QS, Surah al-Isra' 17:71)

## 2. Al-Naqir (النقيير): Lubang kecil pada biji kurma yang menjadi tempat keluar anak pokok kurma apabila disemai. (Micropyle)

أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ الْمَلِكِ فَإِذَا لَا يُؤْتُونَ النَّاسَ نَقِيرًا

Maksudnya: Patutkah ada bagi mereka (kaum Yahudi itu) sesuatu bahagian dari kekuasaan memerintah? (Tidak, bahkan kalau ada) maka sudah tentu mereka tidak akan memberikan sedikitpun kebaikan kepada manusia. (QS, Surah al-Nisa' 4:53)

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

Maksudnya: Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun. (QS, Surah Al-Nisa' 4:124)

## 3. Al-Qitmir (القطمير): Selaput nipis yang menyeliputi biji kurma. (Seed Membrane/Endocarp)

يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلًّا يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ذَلِكُمُ

اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ

Maksudnya: Allah jua yang memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silib berganti), dan Ia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Yang melakukan semuanya itu ialah Allah Tuhan kamu, bagiNya lah kuasa pemerintahan; sedang mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji kurma. (QS, Surah Fatir 35:13)

No	Kalimah & Maknanya	Surah & Ayat
1	Al-Fatil (الفَيْتِل): Urat pintal yang berbentuk sumbu dari belahan biji kurma	Surah al-Nisa' 4:49
		Surah al-Nisa' 4:77
		Surah al-Isra' 17:71
2	Al-Qitmir (القَطْمِير): Selaput nipis yang menyeliputi biji kurma	Surah Fatir 35:13
3	Al-Naqir (النَّقِير): Lubang kecil pada biji kurma yang menjadi tempat keluar anak pokok kurma apabila disemai	Surah al-Nisa' 4:53
		Surah Al-Nisa' 4:124

Rajah 1: Ringkasan senarai ayat yang mengandungi kalimah bahagian-bahagian biji kurma.

### Hubungkait Kalimah Al-Qitmir, Al-Fatil dan Al-Naqir Sebagai Amthal di dalam Al-Quran

Menurut Manna' al-Qattan (2015), *amthal* di dalam al-Quran terbahagi kepada tiga jenis iaitulah pertama *al-Amthal al-Musarribah* iaitu perumpamaan yang jelas dengan menggunakan lafaz 'seperti' atau apa-apa tanda yang tertakluk dibawah perbahasan *tasybih*. Kedua, *al-Amthal al-Kaminah* iaitu perumpamaan yang didalamnya tidak disebutkan dengan lafaz tamthil yang jelas, tetapi ia menunjukkan makna-makna yang indah, menarik dan mempunyai pengaruh tersendiri apabila dipindahkan kepada yang serupa dengannya. Ketiga, *al-Amthal al-Mursalab* iaitu perumpamaan yang datang dengan menggunakan kalimah-kalimah bebas yang tidak menggunakan lafaz *tasybih* secara jelas, tetapi kalimah tersebut berlaku sebagai *tasybih*.

Penggunaan *al-Qitmir*, *al-Fatil* dan *al-Naqir* dalam ayat-ayat al-Quran dianggap sebagai perkara yang ganjil kerana isu-isu yang didapati di dalam ayat-ayat yang menyebut kalimah-kalimah ini tidak ada perkaitan secara jelas dengan kalimah-kalimah tersebut. Kehadiran kalimah-kalimah ini menimbulkan tanda tanya seterusnya mendorong para ulama untuk mengkajinya dengan lebih mendalam dalam aspek kebahasaan dan kemukjizatannya. Namun, apabila kalimah *al-Qitmir*, *al-Fatil* dan *al-Naqir* diperhatikan, ia termasuk dalam kategori *al-Amthal al-Mursalab* kerana kalimah-kalimah ini mengemukakan satu perbandingan yang dapat difahami dan dirasai oleh pancaindera manusia.

Dalam perbahasan *al-Ijaz al-Bayani*, Dr. Azhar Ali Yasin (2012) telah menghuraikan ketiga-tiga kalimah ini dibawah perbahasan *Fahwa al-Khitab fi al-Quran al-Karim Dirasah Uslubiyah*. Kajian ini mengkhususkan perbincangan berkenaan intipati ayat-ayat al-Quran yang mengandungi Lathaif Quraniyyah berkaitan *al-Mantuaq wa al-Mafhum*. Menurut beliau, kalimah *al-Qitmir*, *al-Fatil* dan *al-Naqir* ini termasuk dalam *Fahwa al-Khitab* di bawah kategori *al-Ta'bir bi al-Qalil li al-Tadlil 'ala al-Kathir* (satu ungkapan yang sedikit bagi menunjukkan sesuatu yang banyak). Dalam erti kata lainnya, kalimah-kalimah ini menunjukkan makna yang kecil secara leksikal atau linguistiknya, tetapi penggunaannya di dalam al-Quran menunjukkan sesuatu perkara besar atau peristiwa besar, bergantung kepada bukti konteksual dalam ayat tersebut. (Azhar Ali Yasin 2012).

Kaedah ini dapat difahami melalui satu contoh daripada ayat 23 Surah al-Isra':

فَلَا تَقُلْ لَهُمْ آفٌ ...

Maksudnya: ... maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha"... (QS, Surah al-Isra' 17:23)

Kalimah “أَفَّ” adalah bunyi yang keluar daripada mulut seseorang. Namun, dalam ayat ini, kalimah “أَفَّ” difahami sebagai bunyi dari seseorang yang berasa meluat, menyampah dan kebosanan (Al-Biqā’ie 885H & Ibnu ‘Asyur 1973). Kalimah “أَفَّ” kelihatan seperti perkara biasa, namun indikasinya melibatkan reaksi wajah, kata-kata, dan perbuatan. Melalui kalimah ini, dapatlah difahami bahawa Allah s.w.t. melarang seorang anak menunjukkan reaksi wajah tidak suka atau meluat kemudian meluahkan dalam bentuk keluhan yang nyata kerana ia boleh melukakan hati ibu bapa. Kalimah *uf* bukanlah sekadar bunyi, tetapi ia melibatkan perkara ketaatan, *birr al-walidain* dan tanggungjawab seorang anak kepada kedua ibu bapanya.

Demikian begitulah peranan *fabwa al-khitab* di dalam al-Quran. Ibnu Atiyyah (546H) juga berpendapat bahawa ketiga-tiga kalimah ini termasuk dalam kategori *Mafhum al-Khitab* atau *Fabwa al-Khitab* kerana kalimah ini apabila difahami secara maknawinya, ia membawa nilai yang sama dengan lafaznya (Ibnu ‘Atiyyah 546H). Oleh itu, kalimah *al-Qitmir*, *al-Fatil* dan *al-Naqir* juga boleh dianggap sebagai *amthal* kerana ia berfungsi sebagai suatu gambaran yang membawa maksud yang hampir dengan suatu hakikat yang ingin disampaikan. Hal ini sejajar dengan tujuan *amthal* sebagaimana yang telah digariskan oleh Manna’ al-Qattan (2015), iaitulah untuk menjelaskan sesuatu yang sukar digarap oleh akal manusia dengan menonjolkan sesuatu yang dapat dijangkau dengan akal sehingga ia dapat dirasakan atau difahami oleh pancaindera manusia

### Perbahasan I’jaz ‘Ilmi Yang Terkandung dalam Ayat

Kajian ini akan menumpukan kepada tiga ayat sahaja yang menyebutkan kalimah *al-Qitmir*, *al-Fatil* dan *al-Naqir*.

#### 1. Al-Qitmir (القطمير): Selaput nipis yang menyeliputi biji kurma. (Seed Membrane/ Endocarp)

يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلَّ يَوْمٍ لِّأَجَلٍ مُّسَمًّى ذَلِكُمْ  
 اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ

Maksudnya: Allah jua yang memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti), dan Ia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Yang melakukan semuanya itu ialah Allah Tuhan kamu, bagiNya lah kuasa pemerintahan; sedang mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji kurma. (QS, Surah Fatir 35:13)

Berdasarkan ayat ini, Allah s.w.t. menyatakan bahawa Allah s.w.t. memiliki pemilikan dan pemerintahan ke atas kejadian malam dan siang. Dialah yang mengaturkan peredaran matahari dan bulan dengan sistematik dan menetapkan masa peredarannya dengan teratur. Peredaran matahari dan bulan ini mengesani waktu siang dan malam, ia tidak pernah mungkir kepada perintah Tuhannya untuk bergerak mengikut aturanNya. Tiada siapa yang dapat melakukan aturan sehebat ini melainkan Allah s.w.t. Lalu, Allah s.w.t. mengatakan bahawa tuhan yang disembah oleh kaum musyrik itu tidak memiliki sesuatu apa pun meskipun sesuatu senipis selaput kulit biji kurma; *al-Qitmir* (Sayyid Qutb 2010 & Dr. Wahbah al-Zuhaili 2016).

Allah s.w.t. menggunakan kalimah *al-Qitmir* sebagai perbandingan dalam aspek kecil dan sedikit (Abu al-Sa’ud 982H) pada ayat yang menceritakan tentang kejadian malam dan siang dan tentang sistem peredaran matahari dan bulan yang beredar dalam satu waktu yang ditetapkan. Terdapat beberapa persamaan antara kejadian malam dan siang dengan *al-Qitmir*. Begitu jugalah terdapat persamaan antara matahari dan bulan dengan *al-Qitmir*. Persamaan ini menjadikan ia



wajar dijadikan perbandingan berbentuk hiperbola supaya orang kafir berasa tercabar disamping penyebutan kalimah *al-Qitmir* ini bertujuan untuk menjentik hati mereka agar berfikir.

*Al-Qitmir* atau juga dikenali sebagai Seed Membrane/ Endocarp (Qatar Foundation 2022) bertindak sebagai perlindungan kulit biji benih. Menurut Dardick, C., & Callahan, A. M. (2014) *Endocarp* juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan berkomunikasi dengan biji benih yang sedang berkembang. Benih disambungkan ke tisu buah ibu melalui struktur *umbilic* yang dipanggil *funiculus*. Maka kita dapat lihat bahawa *Al-Qitmir* meliputi biji benih seolah-olah pakaian sebagaimana malam dan siang meliputi bumi seperti pakaian. Firman Allah s.w.t.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ لَيَالٍ لِّيَسَا وَالنَّوْمَ سُبَاتًا وَجَعَلَ النَّهَارَ نُشُورًا

Maksudnya: *Dan Dia lah Tuhan yang menjadikan malam untuk kamu sebagai pakaian, dan menjadikan tidur untuk berbenti rehat, serta menjadikan siang untuk keluar mencari rezeki.* (QS, Surah al-Furqan 25:47)

Kejadian siang dan malam sinonim dengan pergerakan matahari dan bulan yang menjadi tanda. Matahari akan dapat kelihatan pada waktu siang, manakala bulan dapat kelihatan pada waktu malam. Kehadiran matahari dan bulan melindungi kehidupan di bumi agar dapat terus hidup, mengikut aturan dan sistematik alam. Seperti itu jugalah fungsi *al-Qitmir* yang melindungi biji benih dan memelihara ekosistem pada biji benih yang sedang berkembang. Allah s.w.t. mengatakan bahawa tuhan yang disembah oleh orang Musyrik tidak mencipta apalagi memiliki dan mengatur sesuatu sistem bahkan sistem yang kecil seperti peranan *al-Qitmir* kepada biji benih kurma juga ia tidak mampu. Tidakkah perkara ini sepatutnya mencetuskan buah fikiran bagi mereka yang berfikir?

Tambahan lagi, perbandingan ini cukup indah apabila Allah s.w.t. secara tidak langsung memperingatkan manusia dengan makanan yang selalu dilihatnya. Firman Allah s.w.t.

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَى طَعَامِهِ

Maksudnya: *maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya (bagaimana kami mentadbirkannya)* (QS, Surah 'Abasa 80:24)

Seolah-olah Allah s.w.t. mencabar manusia yang kufur dengan membuat perbandingan terhadap makanan mereka sendiri, yang mana sepatutnya mereka lebih memikirkan tentang kebesaran Allah s.w.t. yang mengurniakan mereka rezeki untuk hidup lalu bersyukur terhadapnya. Hamka (2017) mengatakan bahawa inilah satu perumpamaan yang sangat jauh mengambil perbandingan untuk memberi peringatan kepada orang-orang jahil yang mempersekutukan Allah s.w.t. Alangkah jahilnya orang yang menyembah sesuatu yang tidak dapat menghasilkan apa-apa sekalipun senipis selaput kulit biji kurma.

## 2. Al-Fatil (الفتيل): Urat pintal yang berbentuk sumbu dari belahan biji kurma

يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمْهُمْ فَمَنْ أَوْيَ كِتَبُهُ بِيَمِينِهِ فَأُولَئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا

Maksudnya: *(Ingatlah) hari Kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imamnya; kemudian sesiapa diberikan Kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya (dengan sukacita), dan mereka tidak dikurangkan (pabala amal-amalnya yang baik) sedikitpun.* (QS, Surah al-Isra' 17:71)

Ayat di atas memerihalkan tentang satu situasi pada hari Akhirat ketika di padang Mahsyar sebelum hisab. Allah s.w.t. akan memanggil setiap kumpulan manusia dengan nama imamnya. Mereka diseru untuk tampil menerima buku catatan amalan mereka. Di dalam ayat ini menyebutkan tentang satu kumpulan manusia yang menerima kitab catatan amalnya dengan

tangan kanannya. Maka mereka akan membacanya dengan senang hati dan tidak akan dikurangkan pahala amalannya walau sebesar urat benang biji kurma.

Di dalam tafsir Ma'alim al-Tanzil oleh al-Baghawi (516H) telah menukilkan beberapa pandangan ulama berkenaan kalimah **بِأَمَانِهِمْ**. Pertama, menurut Mujahid dan Qatadah, kalimah imam dalam ayat ini merujuk kepada para nabi dan rasul. Kedua, Abu Soleh dan al-Dhahak berkata kalimah imam merujuk kitab yang diturunkan kepada umat tersebut. Manakala al-Hasan dan Abu al-'Aliyah mengatakan kalimah imam merujuk kepada amalan mereka. Dengan erti kata lain, setiap kumpulan manusia akan diseru dengan nama agama yang diikutinya, atau dengan nama Rasul dan Nabi yang menjadi ikutannya, atau dengan nama pemimpin yang diikutinya dalam kehidupan dunia (Sayyid Qutb 2010) sama ada dalam kebaikan atau keburukan (al-Baghawi 516H)). Sekiranya seorang manusia mengikuti ajaran kitab yang diwahyukan kepada mereka dan beramal dengannya, bermakna dia telah memilih jalan yang direndhai Allah s.w.t. Sekiranya seorang manusia mengikuti Nabi dan Rasul Allah s.w.t. maka dia juga telah mengikut jalan atau tali Allah s.w.t. sebagaimana perintah Allah s.w.t. dalam Surah Ali Imran.

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ...

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai* (QS, Surah Ali Imran 3:103)

Apabila Allah s.w.t. menggunakan kalimah al-Fatil sebagai perbandingan dalam aspek kecil dan sedikit (Abu al-Sa'ud 982H) di dalam ayat yang menceritakan tentang nasib umat manusia ketika di padang Mahsyar seolah-olah memberi kefahaman bahawa sekecil-kecil amal ibadah yang dilakukan oleh seseorang yang beriman juga akan dinilai di sisi Allah s.w.t. Tidak akan dikurangi walau sedikit bahkan dengan rahmat Allah s.w.t. seseorang itu akan ditambahkan pahala berlipat kali ganda (Al-Biqae 885H).

Menurut al-Razi (606H) pula, jika seseorang hendak mengeluarkan urat benang biji kurma ini daripada tempatnya, dia perlu memutarkannya sehingga putus daripada tempatnya. Hal ini menunjukkan bahawa ia sesuatu perbuatan yang remeh, tidak penting dan hina. Namun, apabila Allah s.w.t. menggunakan kalimah ini sebagai perumpamaan bermaksud walaupun sekecil-kecil amal, yang dianggap remeh, renyah dan hina, ia akan dinilai disisi Allah s.w.t. tidak berkurang dan tidak berlebihan. Sesungguhnya amal yang sikit-sikit inilah yang menjadi merit untuk seseorang layak masuk ke syurga dan begitu jugalah sebaliknya.

Indahnya apabila Allah s.w.t. menggunakan kalimah al-Fatil dalam ayat ini seolah-olah meneruskan bentuk perumpamaan dalam niche tali/ benang apabila menyebutkan tentang nasib seseorang sebagaimana dapat dilihat dalam surah Ali Imran 3:103, Surah al-Nisa' 4:49, Surah al-Nisa' 4:77, dan Surah al-Isra' 17:71 ini. Dalam ketiga-tiga ayat yang menyebut kalimah **فَتِيلاً** didapati kalimah ini datang setelah ayat **وَلَا يُظْلَمُونَ** yang menunjukkan tentang nasib. Manakala dalam surah Ali Imran Allah menggunakan kalimah **بِحَبْلِ** untuk menceritakan jalan yang perlu diikuti oleh seorang Muslim untuk mendapat nasib yang baik. Sesetengah kepercayaan mengatakan bahawa tali atau benang sebagai penentu takdir atau nasib kerana menurut mereka, seorang manusia itu telah diikat dengan takdirnya dan dia tidak boleh terlepas daripadanya walau dengan cara apa sekalipun. Contohnya dalam satu kepercayaan Mitologi Tiongkok, mereka mempercayai bahawa benang merah menentukan takdir dan jodoh seseorang (García et al. 2016). Kepercayaan jahiliah ini kemungkinan telah berlegar-legar sejak dahulu kala. Maka Allah s.w.t. menggunakan perumpamaan tali dan benang ini agar manusia dapat memahami dengan mudah tentang hal nasib dan takdir yang benar di sisi Allah s.w.t.

Akhirnya, seorang muslim yang berfikir akan mendapati bahawa Allah s.w.t. bukan sahaja memberitakan tentang suatu perkara yang besar, tetapi Allah s.w.t. juga secara tidak langsung

mendidik manusia agar memiliki keyakinan bahawa status, pangkat dan kondisi seseorang itu semua tidak penting. Walau apa jua status atau keadaan seseorang itu, laksanakanlah syariah Allah s.w.t. sedaya mungkin meskipun pada mata manusia ia dianggap perkara yang remeh dan hina. Hal ini kerana, menurut Allah s.w.t. dalam ayat ini, setiap orang yang beriman itu akan dinilai amal ibadahnya walaupun sebesar urat benang pada biji kurma.

### 3. Al-Naqir (النَّقِير): Lubang kecil pada biji kurma yang menjadi tempat keluar anak pokok kurma apabila disemai

أَمْ هُمْ نَصِيبٌ مِّنْ أَمْلِكِ فَإِذَا لَا يُؤْتُونَ النَّاسَ نَقِيرًا

Maksudnya: *Patutkah ada bagi mereka (kaum Yahudi itu) sesuatu bahagian dari kekuasaan memerintah? (Tidak, bahkan kalau ada) maka sudah tentu mereka tidak akan memberikan sedikitpun kebaikan kepada manusia. (QS, Surah al-Nisa' 4:53)*

Ayat diatas merupakan kesinambungan daripada persoalan yang dibangkit oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. pada ayat 51, berkenaan dengan perseteruan abadi di antara kaum Yahudi terhadap kaum Muslimin. Allah s.w.t. melaknat kaum Yahudi dan mengumumkan bahawa mereka tidak akan mendapat penolong yang baik di dunia dan di akhirat kerana mereka meminta pertolongan terhadap kaum musyrikin untuk memerangi Kaum Muslimin dalam peperangan Ahzab. Pada ayat ke 51, mereka bahkan mengatakan kepada Kaum Musyrikin bahawa agama mereka lebih baik daripada agama Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum Muslimin. Persekutuan ini bertujuan untuk memerangi umat Islam atas dasar hasad, dengki dan tamak (al-Razi 606H). Maka pada ayat ini, Allah s.w.t. menimbulkan persoalan dengan mengatakan bahawa adakah patut mereka yang berhasad dengki dan tamak itu memiliki kekuasaan memerintah? Jika kaum yang tamak ini memiliki apa-apa bahagian kekuasaan sekalipun, mereka tidak akan memberi apa-apa kebaikan kepada manusia walau sekecil *al-naqir* (Sayyid Qutb 2010).

Menurut al-Razi (606H), kalimah *al-Naqir* terbina daripada wazan **فَعِيلٌ** berasal daripada kalimah “النَّقِيرُ” yang bermaksud membuat lubang pada sesuatu seperti kayu atau dinding. Allah s.w.t. menggunakan kalimah ini sebagai amthal seolah-olah mengatakan bahawa sekiranya manusia hendak meminta manfaat daripada mereka walaupun sekadar permintaan untuk membuatkan lubang kecil, kaum Yahudi tidak akan melaksanakannya. Begitu jugalah dapat difahami sekiranya manusia ingin memperoleh kelebihan daripada mereka, kaum Yahudi tidak akan memberi sedikit apa pun walau sekecil lubang pada biji kurma kerana mereka sangat bakhil dan tamak. Al-Biqae (885H) menekankan hal ini dalam aspek manfaat di dunia, bukan di akhirat, iaitu Kaum Yahudi tamak pada kesenangan di dunia dan lupakan akhirat mereka.

Kalimah *al-Naqir* digunakan sebagai perumpamaan dalam hal sedikit dan keburukan (Abu al-Sa'ud 982H). Dalam ayat ini, Allah s.w.t. menimbulkan persoalan agar manusia berfikir tentang bagaimana kaum Yahudi yang jahil, dianggap hina dan kerdil disisi Allah s.w.t. ini dapat memberikan manfaat kepada manusia kerana sesungguhnya mereka tidak mampu untuk memberikan sebarang kebaikan walau sebesar lubang halus pada biji kurma (Abu al-Sa'ud 982H). Al-Alusi (1270H) menambah bahawa kaum Yahudi tidak pernah berhak untuk memiliki kekuasaan, tetapi mereka merampasnya kerana tamak.

Menurut ahli sains, *al-Naqir* merupakan lubang kecil pada biji kurma, yang mana ia menjadi tempat untuk keluar tunas anak pokok biji kurma atau nama saintifiknya ialah *microphyle* (Qatar Foundation 2022). *Al-Naqir* ini hanyalah lubang kecil yang akan menjadi laluan kepada tunas anak pokok keluar dan membesar menjadi pokok yang memiliki manfaat yang besar kepada manusia. Apabila kalimah ini menjadi perumpamaan dalam ayat ini, dapat difahami bahawa ketamakan Kaum Yahudi itu sehingga mereka tidak akan membuka jalan kebaikan walaupun hanya sebesar lubang laluan keluar tunas pada biji benih kurma. Bahkan jika mereka memiliki jalan kebaikan tersebut, mereka tidak akan memberikan manfaatnya kepada manusia yang lain.

## KESIMPULAN

Pelbagai bentuk perumpamaan dapat ditemui di dalam al-Quran, antaranya ialah perumpamaan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, elemen alam semesta dan sebagainya. Pemilihan unsur tumbuh-tumbuhan sebagai elemen kajian ini adalah disebabkan oleh al-Quran itu sendiri mempunyai nilai universal yang meliputi setiap disiplin ilmu. Bukan itu sahaja, tumbuh-tumbuhan juga merupakan satu elemen yang dikaji dalam pelbagai bidang secara kimikal dan fizikal. Perkembangan sains dan teknologi pada masa kini dapat menambah nilai dalam dunia pentafsiran apabila setiap unsur-unsur kejadian alam, pengaturan alam dan sistemnya dapat dikaji dengan mendalam dan dilihat hubungan perkaitannya dengan ayat-ayat Allah s.w.t.

Kebiasaannya di dalam al-Quran, unsur-unsur ini hadir dalam bentuk perumpamaan, penceritaan dan sumpah supaya manusia dapat membawa nilai *hissiyah* atau nilai yang dapat digarap oleh pancaindera manusia yang terdapat pada objek *amthal* untuk memahami perkara abstrak dan subjektif seperti hal-hal ghaibiyat dan sebagainya. Selain itu, Allah s.w.t. tidak menggunakan kalimah-kalimah yang mengandungi unsur negatif di dalam al-Quran meskipun hendak mengumumkan sesuatu yang buruk dan hina. Tetapi Allah s.w.t. menggantikannya dengan mendatangkan perumpamaan agar ayat-ayat al-Quran tersebut dapat dinilai dari perspektif yang membina dan berpendidikan sebagaimana Allah s.w.t. memerihalkan tentang kejahilan kaum musyrik yang menyembah berhala dan ketamakan Kaum Yahudi. Allah s.w.t. tidak menggunakan kalimah berunsur negatif secara jelas, tetapi menggantikannya dengan satu perumpamaan biji kurma yang sering dilihat oleh manusia ketika mereka makan.

Apabila ayat-ayat *amthal* ini dilihat dari perspektif tafsiran sains, ia akan dapat memberi tambah nilai yang mendalam kerana setiap kalimah al-Quran itu sungguh bermakna dan tidak ada yang sia-sia. Keyakinan terhadap perihal ini memberi kekuatan kepada para ulama untuk mengkaji hubungan disebalik kalimah *al-qitmir*, *al-fatil* dan *al-naqir* dengan konteks ayat meskipun ketiga-tiga kalimah ini merupakan perumpamaan dalam hal sedikit, remeh dan hina. Ternyata benarlah bahawa penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan di dalam al-Quran adalah sebagai satu perantaraan dalam menyampaikan mesej kepada manusia. Pasti ada sesuatu mutiara dan hikmah yang dapat dipelajari melalui kalimah *al-qitmir*, *al-fatil* dan *al-naqir*. Hikmahnya, tafsiran sains yang dilakukan dapat menjelaskan lagi aspek mukjizat sains atau *i'jaz 'ilmi* yang terkandung di dalam ayat. Hal ini membuktikan bahawa al-Quran kekal relevan pada setiap zaman dan perkembangan dunia.

## Rujukan

- Abu al-Sa'ud. 982H. *Tafsir Abi al-Sa'ud Irsyad al-'Akl al-Salim*. <https://tafsir.app/abu-alsuod/35/13>. [19 Julai 2022].
- Al-Alusi. 1270H. *Rub al-Ma'ani*. Tafsir App. Diambil daripada <https://tafsir.app/alaloosi/4/53>. [19 Julai 2022].
- Al-Baghawi. 516H. *Ma'alim al-Tanzil*. Tafsir App. <https://tafsir.app/baghawi/17/71>. [20 Julai 2022].
- Al-Biqae. 885H. *Nazm al-Durar*. Tafsir App. <https://tafsir.app/nathm-aldurar/35/13>. [19 Julai 2022].
- Al-Razi, Fakruddin. 606H. *Mafatih al-Ghaib*. Tafsir App. <https://tafsir.app/alrazi/17/71>. [19 Julai 2022].
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2016. *Tafsir al-Munir*. Jakarta: Gema Insani.
- Azhar Ali Yasin. 2012. *Fabwa al-Khitab Fi al-Quran al-Karim Dirasah Uslubiyah*. <https://ketabonline.com/ar/books/105560/read?part=1&page=4&index=30289>. [15 Julai 2022].
- Dardick, C., & Callahan, A. M. 2014. *Evolution of the fruit endocarp: molecular mechanisms underlying adaptations in seed protection and dispersal strategies*. *Frontiers in plant science*, 5, 284. laman: <https://doi.org/10.3389/fpls.2014.00284>
- García, Carmelo; Caballero-Gil, Pino; Burmester, Mike; Quesada-Arencibia, Alexis. 2016. Ubiquitous computing and ambient intelligence: 10th International Conference, UCAmI 2016, San Bartolomé de Tirajana, Gran Canaria, Spain, November 29-December 2, 2016, Proceedings. Part II. Springer. hlm. 265. ISBN 3-3194-8799-X.
- Hamka. 2017. *Tafsir Surah al-Abzab dan Juzuk 22*. Selangor: PTS Publishing House.
- Ibn 'Asyur. 1973. *Al-Tabrir Wa al-Tanwir*. Tafsir App. Diambil daripada <https://tafsir.app/ibn-aashoor/35/13>. [19 Julai 2022].
- Ibn 'Atiyah. 546H. *al-Mubarrar al-Wajiz*. Tafsir App. Diambil daripada <https://tafsir.app/ibn-atiyah/17/71>. [19 Julai 2022].
- Language Research Group University of Leeds. 2009. *The Quranic Arabic Corpus*. <https://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp>. [15 Julai 2022]
- Malik Abdul Qadir. 2022. *Al-Farq baina al-Qitmir wa al-Fatil wa al-Naqir*. Maudoo'. [https://mawdoo3.com/الفرق\\_بين\\_القطمير\\_والفتيل\\_والنقير#cite\\_note-cb4882c3\\_9b28\\_442d\\_8eed\\_fb5035134cf5-2](https://mawdoo3.com/الفرق_بين_القطمير_والفتيل_والنقير#cite_note-cb4882c3_9b28_442d_8eed_fb5035134cf5-2). [15 Julai 2022]
- Manna' al-Qattan. 2015. *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Michael Allaby. 2018. *Pellicle*. *A Dictionary of Zoology*. Encyclopedia.com: <https://www.encyclopedia.com/science/dictionaries-thesauruses-pictures-and-press-releases/pellicle-0>. [15 Julai 2022]
- Qatar Foundation. 2022. *Botanical Terms in The Holy Quran and Sunnah. Quranic Botanic Garden*. Diperolehi daripada laman sesawang: <https://qbg.org.qa/botanical-museum/botanical-terms/>. [15 Julai 2022]
- Saipolbarin Ramli, Ahmad Fikri Hj Husin. 2015. *Penggunaan Unsur Tumbuh-Tumbuhan Dalam Gaya Babasa al-Tasybib di Dalam al-Quran al-Karim*. *Ulum Islamiyyah Journal*. Vol. 16 (December) 2015: pp 1-22. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Zamri Rajab, Kaseh Abu Bakar. 2011. *Penggunaan Shahid al-Qur'an Dalam Kitab Sharh Ibn 'Aqil Dan Sharh Qatr Al-Nada wa Bal Al-Sada Bab al-Marfu'at: Satu Kajian Bandingan*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(2), 83-98.